

☒ Utusan Malaysia
☐ Mir.gguan Malaysia
Tarikh: 6/9/2013
Hari: Jumaat M/S: 11
Ruangan: REN CAMA

44m/AA8/um/06.09.2013/P-11

-REPO-

Perkasa ramuan perang rasuah

Oleh RAM AL JAFFRI SAAD

SALAH laku rasuah yang melibatkan penjawat awam seolah-olah tiada penghujungnya walaupun pelbagai pendekatan dilaksanakan oleh kerajaan melalui agensi-agensinya bagi menyedarkan masyarakat mengenai bahaya rasuah.

Laporan statistik daripada laman sesawang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan bahawa sebanyak 236 kes tangkapan direkodkan daripada Januari hingga Julai 2013. Pada 2012, SPRM mencatatkan 701 tangkapan berbanding 2011 sebanyak 944 tangkapan yang merupakan tangkapan tertinggi dalam sejarah sejak agensi pencegahan rasuah diwujudkan pada 1967.

Justeru, timbul persoalan apakah ramuan ampuh yang diperlukan bagi mengatasi masalah ini? Penulis ingin mengemukakan empat cadangan asas.

Pertama, nilai etika kerja Islam wajar diperkenal dan dilaksana oleh semua organisasi. Ada tiga asas nilai etika Islam iaitu Islam, iman dan ihsan. Islam bermaksud sejahtera, iman merupakan manifestasi kepercayaan dalam bentuk perlakuan manakala ihsan bermaksud meyakini bahawa Allah S.W.T sentiasa melihat kita.

Islam melihat etika kerja orang yang bekerja keras sebagai nilai yang baik dan akan mencapai kejayaan yang dikehendaki. Nilai kerja Islam dimotivasikan oleh iman dan ihsan.

Apabila nilai-nilai ini menjadi sebatian dalam diri pekerja, maka matlamat kerja itu sendiri akan tercapai. Ia bukan sahaja ber-

kisarkan pencapaian matlamat dunia seperti untung, produktiviti dan sebagainya, malah ia akan mendorong kejayaan di akhirat.

Maka apabila seseorang itu menjalankan tugasnya ataupun bekerja, dengan sendirinya bererti, bahawa insan tersebut sedang menunaikan amanah Allah. Dengan kata-kata lain hamba Allah itu beribadat.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Dharyat ayat 56 yang bermaksud "Dan tidak Aku menjadikan jin dan manusia melainkan untuk semata-mata beribadat kepada-Ku".

Kedua, kerajaan atau organisasi tertentu perlu menyediakan dana bagi membantu pekerja yang menghadapi masalah kewangan. Sebagai contoh, organisasi boleh mengutip wang zakat dan dijadikan dana untuk membantu pekerja organisasi tersebut.

Penulis percaya bahawa kebanyakan pekerja membuat potongan gaji untuk membayar zakat pendapatan. Apa yang boleh dilakukan oleh organisasi ialah dengan mewujudkan tabung dana yang mana potongan zakat setiap pekerja akan dimasukkan ke dalam tabung tersebut.

Dana ini boleh digunakan dalam hal-hal seperti kecemasan, pendidikan dan sebagainya. Misalnya, jika seseorang pekerja ditimpa kemalangan, dana ini boleh disalurkan secara terus kepada pekerja tersebut dengan cepat dan berkesan.

Usaha mewujudkan dana di setiap organisasi ini dipercayai dapat mengurangkan masalah kewangan pekerja. Ia juga secara langsung dapat merencatkan niat mereka untuk menerima rasuah.

Ketiga, semua sistem pengurusan dan pentadbiran perlu dilakukan secara atas talian. Ia dapat mengurangkan hubungan terus pekerja dengan pihak awam. Kurangnya interaksi ini dapat menyekat peluang untuk berlakunya rasuah.

Sebagai langkah awal, pihak kerajaan mungkin boleh menyelaraskan sistem penguatkuasaan pihak berkuasa seperti polis, kastam, dan imigresen. Sebagai contoh, sistem saman boleh dikeluarkan secara atas talian dengan pihak polis akan merekodkan secara terus setiap saman yang dikeluarkan. Pesalah perlu membayar wang saman tersebut juga secara atas talian.

Keempat, organisasi harus menyuburkan budaya ilmu di setiap peringkat. Pengajaran ceramah agama, kuliah, diskusi dan sebagainya dapat meningkatkan kesedaran masyarakat berkenaan bahaya rasuah.

Kelima, kesedaran bahaya rasuah wajar dibuat di semua peringkat pengajian. Ini termasuk pada peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi.

Kesedaran di peringkat awal ini penting. Ini sejajar dengan pepatah jika hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Di peringkat prasekolah, anak-anak boleh dididik tentang sifat amanah, jujur dan ikhlas. Lakukan dalam bentuk hiburan dan permainan yang mana tujuannya adalah untuk mendidik mereka dengan nilai-nilai murni.

Di peringkat sekolah rendah dan menengah, subjek rasuah harus diwujudkan sebagai satu daripada subjek yang wajib

dipelajari. Tekankan mengenai bahayanya rasuah kepada diri, bangsa dan agama.

Di peringkat institusi pengajian tinggi, kerjasama antara institusi dengan pihak SPRM perlu dilestarikan. Perkasakan bidang kajian rasuah dan berikan perhatian khusus kepada usaha membanteras rasuah.

Sebagai kesimpulannya, jenayah rasuah adalah satu daripada ancaman besar kepada negara. Justeru, kepada mereka yang masih bercita-cita untuk tidak berlaku jujur dalam pekerjaan mereka, penulis menyeru untuk menghentikannya segera. Niat perbuatan anda itu adalah salah.

Jadilah seorang pekerja yang jujur dan tidak pentingkan diri sendiri. Perbuatan menerima rasuah adalah perbuatan tidak beretika dan tidak diterima dalam Islam.

"Dan janganlah kamu makan atau mengambil harta orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah, dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu dengan memberi rasuah kepada hakim-hakim kerana hendak memakan atau mengambil sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa, padahal kamu mengetahui salahnya". - Surah al-Baqarah ayat 188.

Sabda Nabi Muhammad S.A.W. yang bermaksud; "Barangsiapa bekerja untuk anak isterinya melalui jalan yang halal, maka bagi mereka pahala seperti orang yang berjihad di jalan Allah." (Hadis Riwayat Al-Bukhari).

Penulis ialah Pensyarah Kanan dan Penyelidik Utama Institut Penyelidikan dan Pengurusan, Universiti Utara Malaysia